

# **BAHASA MELAYU DALAM K-EKONOMI**

*oleh*

**Dr. Norrizan binti Razali  
(Malaysia)**

## **Pengenalan**

Banyak faktor yang telah mempengaruhi bahasa Melayu sejak dari peringkat awal perkembangannya. Faktor-faktor politik, sosial, dan ekonomi adalah antara faktor-faktor utama yang telah mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu. Antara ketiga-tiga faktor tersebut, faktor ekonomi merupakan faktor yang telah banyak mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu.

Faktor-faktor politik serta sosial sememangnya banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur ekonomi seperti yang akan diuraikan di dalam kertas kerja ini. Penghuraian ini akan membawa kepada perbincangan tentang perkembangan ekonomi terkini, iaitu penganjakan ke K-ekonomi dan pengertian pendekatan ekonomi baru pada bahasa Melayu dalam abad ke-21.

Perkembangan bahasa Melayu dalam pelbagai peredaran ekonomi akan dibincangkan sebagai latar belakang yang juga akan memberikan suatu gambaran jelas tentang konteks sebenar kedudukan bahasa Melayu. Bagi tujuan tersebut, kertas kerja ini dibahagikan kepada lima bahagian. Bahagian pertama mengimbas kesan-kesan ekonomi terhadap bahasa Melayu sebelum ketibaan penjajah Inggeris. Bahagian kedua pula, menjelaskan perubahan kedudukan serta perkembangan bahasa Melayu dalam ekonomi zaman pemerintahan Inggeris. Bahagian ketiga membentangkan peredaran bahasa Melayu dalam ekonomi pascakemerdekaan.

Bahagian keempat kertas ini membicarakan kemungkinan-kemungkinan yang berlaku ke atas bahasa Melayu hasil daripada peranjakan ke K-ekonomi. Rumusan dan cadangan diberikan dalam bahagian kelima.

## **Bahasa Melayu dalam Ekonomi Prapenjajahan Inggeris**

Hasil daripada jalinan bahasa Melayu dengan perkembangan ekonomi serantau dan dunia telah banyak mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu. Ini boleh dikesan dari peringkat awal perkembangan bahasa Melayu, iaitu sejak akhir abad ke-13. Usaha-usaha ke arah perkembangan ekonomi yang dibuat oleh bangsa-bangsa asing, khususnya dari negara India, China, negara-negara Asia Tengah, dan negara-negara Eropah telah membawa mereka ke Asia Tenggara amnya dan ke Kepulauan Melayu khususnya. Saudagar-saudagar asing ini membawa bersama-sama mereka kepercayaan serta bahasa yang telah banyak meresap ke dalam budaya, kepercayaan, dan bahasa orang-orang Melayu.

Terdapat dua bentuk perkembangan bahasa Melayu akibat daripada usaha-usaha perkembangan ekonomi pada ketika itu. Pertama ialah perkembangan dari segi fizikal linguistik, iaitu dari aspek-aspek pengisian dan bentuk. Kedua ialah perkembangan sosiolinguistik yang dapat dilihat dari segi kedudukan bahasa tersebut di kalangan masyarakat majmuk.

## **Perkembangan Linguistik**

Menerusi aktiviti-aktiviti ekonomi maka wujudnya pertembungan budaya. Pertembungan bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa Tamil, Arab dan Inggeris telah banyak mempengaruhi perkembangan Bahasa Melayu. Pertambahan jumlah perkataan dalam bahasa Melayu amat pesat dengan kehadiran saudagar-saudagar India dan Arab. Banyak perkataan bahasa Melayu kini adalah berasal daripada perkataan-perkataan bahasa Sanskrit dan Arab. Pada waktu yang sama, bahasa Melayu telah meningkat daripada satu bahasa yang lebih berbentuk lisan kepada satu bahasa bertulis. Hasil per-

tembungan dengan bahasa Arab misalnya, yang juga pada berlaku peringkat awalnya adalah sebagai bahasa bertulis yang dikenali dengan fenomena tulisan Jawi. Kedatangan orang-orang Eropah pula, misalnya telah memperkenalkan tulisan Rumi kepada bahasa Melayu.

## **Perkembangan Sociolinguistik**

Bahasa Melayu telah diterima pakai oleh saudagar-saudagar asing sebagai lingua franca bagi semua aktiviti perniagaan. Keunggulan ekonomi kota Melaka sebagai bandar yang paling sibuk dari segi transaksi ekonomi yang dijalankan oleh pelbagai bangsa dari benua-benua lain, telah menjadikan Melaka sebagai pusat perdagangan yang paling global pada ketika itu. Bahasa Melayu yang diterima sebagai bahasa ibunda pemerintah kota Melaka amat dihormati oleh orang-orang asing. Pada waktu yang sama, hasil-hasil sastera Melayu turut berkembang. Justeru, bahasa Melayu juga dianggap sebagai bahasa ilmu. Bahasa Melayu pada ketika itu telah menduduki status yang tinggi.

## **Bahasa Melayu dalam Ekonomi Penjajahan Inggeris**

Jelas sekali menunjukkan bahawa yang perkembangan ekonomi global pada abad ke-14 dan ke-15 telah membawa perkembangan positif kepada bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, kehadiran orang-orang Eropah pada awal abad ke-16 telah membawa pelbagai cabaran baru kepada bahasa Melayu. Ini adalah akibat daripada penjajahan orang-orang Eropah ke atas kebanyakan kawasan di Kepulauan Melayu, terutamanya pusat perdagangan kota Melaka.

Kehadiran orang-orang Inggeris, terutamanya telah menukarkan kedudukan orang-orang Melayu dan bahasa Melayu. Penjajahan Inggeris telah memperkenalkan bentuk ekonomi baru ke Kepulauan Melayu. Hasil-hasil semula jadi seperti getah dan bijih telah dijadikan komoditi bagi pertumbuhan ekonomi. Oleh sebab pendatang-pendatang dari negara China dan India yang dibawa masuk untuk mengusahakan komoditi getah dan bijih, menyebabkan orang-orang Melayu telah terasing daripada ekonomi baru ini.

Sistem pentadbiran penjajah Inggeris telah menggunakan bahasa Inggeris dan perdagangan juga turut dilaksana dalam bahasa Inggeris. Kebolehan bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris menjadi suatu kemestian bagi mereka yang terlibat dalam ekonomi penjajah Inggeris. Untuk mendapatkan pekerjaan dalam sistem pentadbiran serta bidang perdagangan, kemahiran bahasa Inggeris amat diperlukan. Perkembangan ini menjadikan bahasa Melayu menjadi rendah nilainya berbanding dengan bahasa Inggeris pada ketika itu.

Pada waktu yang sama, keadaan ini telah membawa kesedaran kepada para sasterawan dan pejuang kebangsaan tentang perlunya perkembangan bahasa Melayu dilaksanakan dengan cara yang lebih mantap lagi. Orang-orang Melayu telah bertegas dalam permintaan mereka untuk mengadakan pendidikan formal dalam bahasa Melayu. Sebelum kemerdekaan lagi, usaha-usaha penyelarasan bahasa Melayu di rantau ini telah dijalankan, misalnya menerusi sistem ejaan. Oleh itu, walaupun bahasa Melayu telah tersisih oleh kepentingan ekonomi bahasa Inggeris, tetapi kemajuan bahasa Melayu terus diusahakan.

Nyata sekali, kedudukan bahasa Melayu telah tergugat dengan kedatangan bahasa Inggeris. Nilai ekonomi bahasa Melayu telah terhakis. Walau bagaimanapun, pada waktu yang sama, usaha-usaha permodenan bahasa Melayu adalah dikatakan paling aktif. Kenyataan ini disokong oleh penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan formal, walaupun hanya pada tahap sekolah rendah pada ketika itu.

### **Bahasa Melayu dalam Ekonomi Pascakemerdekaan**

Kesan-kesan kedatangan bahasa Inggeris di Kepulauan Melayu telah meninggalkan parut yang mengambil masa agak lama untuk hilang. Selepas kemerdekaan, bentuk ekonomi yang menekankan hasil-hasil pertanian, atau agroekonomi telah diperkembang. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan serta pentadbiran masih menekankan penggunaan bahasa Inggeris sehinggalah pada pertengahan tahun 70-an. Dalam bidang ekonomi pula,

aktiviti-aktiviti perdagangan telah menggunakan bahasa Inggeris dengan meluas.

Pada penghujung tahun 70-an, bahasa Melayu mula dilihat sebagai bahasa yang mempunyai fungsi-fungsi khas dan disifatkan sebagai bahasa pentadbiran pada semua agensi di sektor awam. Bahasa Melayu ialah juga bahasa pengantar pendidikan, terutamanya pada peringkat rendah dan menengah. Usaha-usaha ke arah permodenan bahasa Melayu semakin pesat dijalankan. Bahasa Melayu ialah juga bahasa istiadat dan kedaulatan bahasa Melayu adalah berdasarkan fungsi-fungsi yang tersebut di atas. Bagaimanapun, yang ketaranya ialah ketidakhadiran bahasa Melayu dalam aktiviti-aktiviti ekonomi, khususnya di sektor swasta.

Kekurangan penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti ekonomi pada ketika itu adalah disebabkan oleh beberapa perkara yang berikut:

- Pertama, terlalu sedikit jumlah orang-orang Melayu yang terbabit dalam kegiatan ekonomi.
- Kedua, kebanyakan daripada golongan yang aktif dalam bidang ekonomi kurang fasih dalam bahasa Melayu kerana amalan melalui sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Inggeris.
- Ketiga, dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia, bahasa Inggeris disifatkan sebagai bahasa terkecuali, iaitu bahasa asing yang tidak dimiliki oleh mana-mana kaum yang tinggal di Malaysia mahupun di rantau ini. Maka kegunaannya tidak akan menampakkan keagungan mana-mana kaum yang tinggal di sini. Oleh sebab itu, bahasa Inggeris telah menjadi pilihan bagi kebanyakan kaum lain.
- Keempat, bahasa Inggeris ialah bahasa antarabangsa dan menjadi bahasa kuasa-kuasa besar yang menguasai ekonomi dunia. Maka tidak hairanlah jika bahasa Inggeris telah digunakan secara meluas dalam kegiatan-kegiatan ekonomi di negara-negara bekas jajahan Inggeris seperti Malaysia.

Kedudukan bahasa Melayu amat ketara masih terhad dalam kegiatan ekonomi pada masa pascakemerdekaan hinggalah ke hari ini. Pertumbuhan ekonomi dalam K-ekonomi banyak bergantung pada pelaburan modal yang tinggi, kegiatan pembangunan tanah, dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang bergantung pada tenaga buruh yang tinggi. Satu contoh kegiatan K-ekonomi ialah industri perkilangan yang telah banyak ditubuhkan oleh syarikat besar antarabangsa.

Aktiviti-aktiviti pemasangan pada tahap rendah misalnya, mengamalkan bahasa Melayu sementara di tahap tinggi seperti pengurusan, bahasa Inggeris telah digunakan. Keadaan ini juga dapat disaksikan di sektor perkhidmatan seperti di bank-bank antarabangsa. Penggunaan bahasa Inggeris turut digunakan pada kebanyakan syarikat yang dikendalikan oleh masyarakat tempatan. Selain daripada bahasa Inggeris, bahasa Cina seperti Kantonis dan Mandarin digunakan juga dengan meluas dalam industri-industri kecil dan sederhana.

### **Penganjakan ke K-Ekonomi dan Kemungkinannya**

Pertumbuhan ekonomi yang berdasarkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang bergantung pada pelaburan modal dan tenaga buruh yang tinggi tidak lagi membawa banyak keuntungan dan tiada nilai tambah yang tinggi. Faedah yang komperatif bagi Malaysia semakin terhakis kerana harga buruh dan kadar sewa di Malaysia lebih tinggi berbanding dengan negara-negara lain seperti Indonesia, Thailand, Vietnam dan China.

Oleh itu, baru-baru ini kerajaan telah menyatakan hasratnya untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dengan menambahkan input pengetahuan kepada semua sektor ekonomi. Dengan jumlah pelaburan yang sama atau lebih rendah, input pengetahuan memberikan keuntungan dan nilai tambah yang tinggi berbanding dengan aktiviti-aktiviti yang kurang input pengetahuan. Ini bermakna yang sektor perkilangan akan menjalankan lebih banyak aktiviti-aktiviti tahap tinggi seperti penyelidikan dan pembangunan. Ini meletakkan harapan bahawa sistem pengurusan yang canggih serta perkembangan teknologi akan dapat mengurangkan jumlah tenaga buruh dan menggantikan pelaburan modal lain yang tinggi tetapi bernilai rendah.

Tiga perkara utama tentang K-ekonomi yang perlu diberi perhatian dalam perbincangan tentang bahasa Melayu dalam K-ekonomi. Perkara-perkara tersebut ialah perkembangan usaha-usaha penyelidikan dan pengetahuan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang meluas, dan ketiganya ialah globalisasi.

### **Perkembangan Usaha-usaha Penyelidikan dan Pengetahuan**

Dalam K-ekonomi, aktiviti-aktiviti penggunaan pengetahuan serta penciptaan pengetahuan penting bagi pertumbuhan ekonomi. Buat masa sekarang, kedudukan bahasa Melayu dalam kegiatan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan mempunyai batasan, walaupun sudah menampakkan kadar peningkatan. Contoh kadar peningkatan pada penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti kreatif di sektor ekonomi ialah dalam bidang pengiklanan yang menunjukkan perkembangan yang positif.

Penggunaan bahasa Melayu dalam kegiatan penyelidikan dan pembangunan adalah terhad daripada beberapa institusi pendidikan tinggi swasta dan agensi-agensi kerajaan. Seseengah bidang pula, seperti bidang sains dan teknologi masih banyak menggunakan bahasa Inggeris. Kegiatan penyelidikan dan pembangunan di sektor swasta juga lebih banyak menggunakan bahasa Inggeris.

### **Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)**

ICT ialah alat yang penting bagi perkembangan K-ekonomi. ICT bukanlah K-ekonomi tetapi merupakan suatu alat yang penting bagi mendapatkan maklumat, menyebarkan maklumat, dan mencipta pengetahuan baru. Pengisian dalam internet masih dikuasai oleh bahasa Inggeris, lebih-lebih lagi yang berhubung dengan ilmu pengetahuan bertaraf tinggi (*higher order knowledge*). Kegagalan untuk menguasai kemahiran ICT boleh mengancam usaha-usaha penganjukkan ke K-ekonomi.

### **Globalisasi**

Negara-negara maju yang kegiatan K-ekonominya seperti penciptaan teknologi dan pembangunan yang berasaskan input pengetahuan yang tinggi telah menjadi sumber utama pertumbuhan ekonomi mereka. Perkembangan K-ekonomi di negara-negara maju telah memaksa mereka mencari pasaran sementara negara-negara yang kurang maju telah dijadikan sebagai kawasan untuk mereka menempatkan kegiatan bertahap rendah seperti sektor perkilangan. Globalisasi adalah suatu fenomena yang diketengahkan oleh negara-negara maju yang terpaksa mencari pasaran untuk menempatkan hasil ciptaan mereka dan untuk kegiatan ekonomi bertahap rendah.

Globalisasi boleh dianggap sebagai suatu cabaran dan pada waktu yang sama sebagai suatu peluang. Perbincangan tentang globalisasi sering dilihat dari sudut ekonomi yang bermaksud transaksi perniagaan yang merentasi sempadan negara-negara dunia. Fenomena ini dapat dilaksanakan dengan adanya kelonggaran pada dasar-dasar sesebuah kerajaan. Globalisasi akan memihak pada ekonomi yang lebih kuat dan besar seperti pada kuasa-kuasa besar dunia. Jika sesebuah negara kurang bersedia dan mempunyai situasi ekonomi yang tidak kukuh, globalisasi boleh mengancam kedaulatan negara tersebut. Sebaliknya, jika sesebuah negara itu telah bersiap sedia dan ekonominya kukuh, besar kemungkinan yang negara tersebut akan mengecapi peluang-peluang yang tersedia dalam globalisasi. Misalnya, dengan sistem pentadbiran yang stabil dan sistematik, kota Melaka telah menjadi pusat global di era globalisasi pada zaman pramasyarakat moden. Kestabilan ekonomi yang disokong oleh sistem pentadbiran yang cekap telah meningkatkan kedudukan bahasa pemerintah, iaitu bahasa Melayu.

Hilangnya kedaulatan sesebuah negara yang sedang membangun boleh terjadi disebabkan oleh ancaman ke atas ekonominya. Jika ini berlaku, budaya dan negara tersebut akan turut terancam. Ini bermakna, sesuatu bahasa itu tidak akan dapat mencapai tahap yang tinggi dari segi fungsinya.

Di samping itu, ada juga teori yang memperkatakan kemungkinan yang kuasa-kuasa besar akan mengambil pendekatan menguasai bahasa-bahasa



tempatan bagi tujuan perkembangan ekonomi mereka. Ini tidak mustahil kerana pendekatan sedemikian jugalah yang digunakan oleh saudagar-saudagar asing yang datang ke kota Melaka untuk berdagang. Walau bagaimanapun, kuasa-kuasa besar yang menguasai bahasa-bahasa tempatan tidak semestinya yang bahasa-bahasa tersebut digunakan untuk tujuan aktiviti bertahap tinggi seperti menjana reka cipta baru.

Globalisasi dalam abad ke-21 merupakan satu penjajahan bentuk baru. Kuasa-kuasa besar tidak berminat untuk memerintah negara-negara sedang membangun kerana ini merupakan suatu bebanan bagi mereka. Mereka hanya ingin menguasai ekonomi negara-negara tersebut dengan mempengaruhi kerajaan negara-negara tersebut. Persoalan tentang pengekaln atau kepupusan sesuatu bahasa yang mempunyai bentuk penulisan dan kesusasteraan seperti bahasa Melayu tidak timbul dalam globalisasi dan K-ekonomi.

### **Rumusan dan Cadangan**

Beberapa rumusan boleh dibuat tentang kesediaan bahasa Melayu dalam menghadapi kemungkinan yang didatangkan oleh K-ekonomi. Tujuh rumusan yang berikut telah dikenal pasti:

1. Oleh sebab sekian lama bahasa Melayu tidak begitu aktif ` digunakan dalam kegiatan ekonomi bertahap tinggi maka, bahasa Melayu kurang berfungsi dalam kegiatan-kegiatan yang mempunyai nilai tambah yang tinggi seperti dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.
2. Kebanyakan pengisian dan penyebaran maklumat dan pengetahuan yang dicipta menerusi ICT terdapat dalam bahasa Inggeris.
3. Globalisasi lebih merupakan ancaman kepada kebanyakan negara di rantau ini. Hilangnya kawalan terhadap ekonomi negara boleh mengancam kedaulatan negara. Bahasa sesebuah negara yang ekonominya lemah sukar mencapai kedudukan yang tinggi.

4. Sebahagian besar penutur bahasa Melayu di rantau ini mempunyai kecekapan dalam bahasa Inggeris kesan daripada peninggalan penjajahan Inggeris dan mereka beranggapan bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa ekonomi antarabangsa. Bagi yang bukan Melayu, bahasa Inggeris lebih diminati.
5. Kebanyakan penutur bahasa Melayu beranggapan bahawa bahasa ibunda adalah monolingual. Ini bermakna mereka mempunyai peluang yang lebih terhad untuk mendapatkan maklumat dan sekali gus mengehadkan pengetahuan baru yang boleh didapati dalam bahasa Melayu.
6. Permodenan dan perkembangan bahasa Melayu banyak bergantung pada dasar-dasar kerajaan yang boleh mewujudkan situasi linguistik lopong. Ini bermakna kedudukan bahasa Melayu adalah tertakluk kepada dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan. Pengisian oleh masyarakat dan sektor-sektor bukan kerajaan bagi mengayakan ilmu dalam bahasa Melayu adalah terhad. Jika dasar-dasar kerajaan hilang, kedudukan bahasa Melayu serta kedaulatannya juga akan mudah terhakis.
7. Pada keseluruhannya, walaupun bahasa Melayu wujud dalam keadaan *multilingual* dan berhadapan dengan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain di rantau ini, tetapi ia masih lagi merupakan satu bahasa yang berdaulat dan dihormati sebagai bahasa pemerintah serta bahasa dalam konteks formal. Bahasa Melayu ialah bahasa di sektor awam. Pada pemerhatian sosiolinguistik, boleh disifatkan sebagai bahasa tinggi atau "*the high language*" tetapi agak terhad penggunaannya dalam hal-hal perdagangan.

### **Cadangan**

Dalam K-ekonomi, peningkatan penggunaan bahasa Melayu dalam kegiatan ekonomi bertahap tinggi amat penting, tetapi kedudukan bahasa Melayu yang

terhad dan lebih dikenali sebagai bahasa di sektor awam tidak memberikan kedudukan yang kukuh.

Sememangnya ilmu pengetahuan wujud dalam apa jua bahasa tetapi jika orang-orang Melayu kurang berkemahiran dalam bahasa-bahasa asing, keupayaan untuk menguasai ilmu dan mencipta ilmu juga adalah terhad.

Oleh itu, langkah-langkah harus diambil ke arah mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu ataupun mengurangkan keadaan kedudukan linguistik lopong. Cadangan-cadangan yang berikut boleh dijadikan garis panduan:

1. Orang-orang Melayu harus berkemahiran dalam bahasa-bahasa lain. Mereka sekurang-kurangnya mampu berdwibahasa. Hakikat bahawa ilmu tidak terhad kepada mana-mana bahasa, perlulah diterima.
2. Penjanaan ilmu pengetahuan bertahap tinggi dalam bahasa Melayu perlu diberi penekanan yang lebih. Sehubungan dengan ini, bidang-bidang ilmu tertentu yang perlu diceburi haruslah dikenal pasti.
3. Penglibatan agensi-agensi bukan kerajaan dalam aktiviti-aktiviti perkembangan bahasa Melayu perlu dipertingkatkan.
4. Penterjemahan karya-karya dalam bahasa Inggeris bagi topik-topik ilmu bertahap tinggi harus dipercepat dan diperbanyak lagi.
5. Dewan Bahasa dan Pustaka atau agensi-agensi yang seumpamanya perlu mempertimbangkan fungsi-fungsinya bagi membantu kerajaan mencapai K-ekonomi dan seterusnya menjadikan bahasa Melayu sebagai salah satu antara bahasa-bahasa yang dapat mencipta segala bentuk ilmu.
6. Kecenderungan untuk mendapatkan dan mencipta ilmu perlu dipupuk dalam budaya orang-orang Melayu. Masyarakat yang berilmu merupakan asas perkembangan sesebuah bahasa. Langkah-langkah utama perlu diambil untuk menjadikan seluruh masyarakat Malaysia dan di rantau ini sebagai masyarakat berilmu dan mengatasi kedudukan linguistik lopong.

7. Sektor budaya dan bahasa memerlukan juga perancangan strategik K-ekonomi sebagaimana sektor-sektor lain yang sedang dan akan melakarkan perancangan strategik K-ekonomi masing-masing.

Sebagai penutup, adalah penting dirakamkan bahawa jumlah penutur tidaklah menjadi ukuran utama tentang kuat atau lemahnya sesuatu bahasa. Sejarah ada mencatatkan bahawa kekukuhan ekonomi sesebuah masyarakat itu boleh menentukan kedudukan dan kekuatan bahasanya.